

**Zahid perlu jelaskan tindakan pertahan ketua judi, kata PKR
Malaysian Insider
Jan 4, 2015**

PKR hari ini menggesa Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi menjelaskan tindakannya mengeluarkan surat kepada Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat bagi mempertahankan ketua judi Paul Phua Wei Seng.

Pengarah Komunikasi PKR Fahmi Fadzil berkata, perbuatan Zahid menimbulkan kecurigaan terutama apabila beliau didapati mengeluarkan surat bukan di atas nasihat Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail sebaliknya daripada peguam persendirian.

"Beberapa orang ahli Parlimen juga persoalkan bagaimana seorang menteri Kabinet boleh mengeluarkan surat seperti ini bukan di atas nasihat Peguam Negara, tetapi di atas nasihat peguam persendirian.

"Adakah ini satu standart prosedur operasi ataupun ia adalah kebiasaan bagi menteri-menteri," kata Fahmi dalam satu kenyataan media hari ini. Phua, bekas pengendali kasino Macau, menghadapi tuduhan pertaruhan sukan haram di Las Vegas selepas ditangkap semasa Piala Dunia bola sepak FIFA tahun lepas.

Pada malam tahun baru, South China Morning Post (SCMP) melaporkan, Zahid menghantar surat kepada FBI mempertahankan Phua.

SCMP juga menyiarkan kandungan surat itu, di mana Zahid mengatakan Phua bukan ahli kongsi gelap 14K di Malaysia.

Surat itu, yang ditujukan kepada Timbalan Pengarah FBI Mark F Giuliano, mendakwa Phua membantu Putrajaya dalam projek yang berkaitan dengan keselamatan negara.

Fahmi yang juga merupakan naib ketua pemuda PKR juga hairan dengan sikap Zahid yang mendiamkan diri menjawab pendedahan itu seolah membuktikan beliau sememangnya mempertahankan penjenayah.

"Zahid masih memilih untuk berdiam diri dan belum menjawab apakah

'projek-projek berkaitan keselamatan negara' yang dibantu Phua.

"Dan mengapa Zahid mampu mengeluarkan surat untuk seorang seperti Phua tetapi tidak berkata apa-apa apabila Interpol mengeluarkan waran tangkap terhadap Dr Yusuf Al-Qaradawi, Tokoh Maal Hijrah yang diiktiraf kerajaan Malaysia," katanya sambil mengesa Zahid supaya lebih proaktif untuk menjawab segala isu berkaitan dengan ketua judi itu.

Antara lain, Fahmi berkata Zahid juga perlu menjelaskan adakah pihak berkuasa pernah menangkap atau mendakwa ketua judi tersebut.

Katanya, meskipun dalam kenyataan kepada akhbar Kwong Wah Yit Poh, Zahid menafikan kewujudan geng 14K namun persoalannya adalah naib presiden Umno itu dapat mengesahkan Phua bukan merupakan seorang ahli kumpulan kongsi gelap tersebut.

Beliau merujuk kepada reaksi peguam Umno, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah apabila menyatakan dokumen dalaman FBI berdasarkan maklumat Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah tidak tepat.

"PDRM mengenal pasti kongsi gelap 14K sebagai sindiket jenayah terancang tempatan yang terlibat dalam dadah yang tidak dibenarkan, judi haram dan aktiviti pengubahan wang haram di Malaysia," kata dokumen dalaman FBI itu bertarikh 17 Julai, 2008.

"PDRM juga mengenal pasti rakyat Malaysia bernama Phua Wei Seng sebagai ahli 14K.

Firma guaman Shafee diupah oleh Chesnoff & Schonfeld bagi membantu dalam sebuah kes jenayah yang masih belum selesai melibatkan Phua dan anaknya Darren Phua Wai Kit. – 4 Januari, 2015.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/zahid-perlu-jelaskan-tindakan-pertahan-ketua-judi-kata-pkr>

